

05/11/1999

Anwar sakit, perbicaraan ditangguh lagi

KUALA LUMPUR, Khamis - Perbicaraan kes liwat membabitkan Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Sukma Darmawan Sasmitaat Madja hari ini ditangguhkan kerana bekas timbalan Perdana Menteri itu tidak sihat.

Timbalan Pendaftar Mahkamah Tinggi Rozilah Salleh mengumumkan perkara itu dalam mahkamah terbuka sebaik saja Anwar keluar dari kamar Hakim Datuk Ariffin Jaka pada jam 11.05 pagi.

Rozilah tidak menyatakan sebab Anwar tidak sihat selepas bekas timbalan Perdana Menteri itu memberi keterangan membela diri kira-kira 30 minit pada pagi ini.

Anwar bersama peguam belanya, Christopher Fernando dan dua pegawai penjara serta Timbalan Kanan Pendakwa Raya, Datuk Abdul Gani Patail dan peguam bela Sukma Darmawan, Gobind Singh Deo kelihatan memasuki kamar hakim pada jam 10.50 pagi.

Sementara itu, seorang peguam bela Anwar, S N Nair memberitahu pemberita bahawa Ariffin membuat keputusan menangguhkan perbicaraan itu dalam kamarnya dan mengarahkan supaya Anwar dihantar ke Hospital Kuala Lumpur (HKL) untuk menjalani pemeriksaan.

Anwar yang dibawa masuk ke mahkamah pada jam 9.05 pagi kelihatan tidak sihat dan memegang kepalanya ketika memberi keterangan.

Dia kelihatan mengadu kepada isterinya Datin Seri Dr Wan Azizan Wan Ismail dan Fernando sambil memegang kepalanya ketika mahkamah berhenti rehat pada jam 9.45 pagi.

Semalam mahkamah juga terpaksa menangguhkan perbicaraan lebih awal pada jam 3 petang selepas Anwar mengadu sakit kepala. Pada 27 Oktober lalu Anwar menjalani pemeriksaan imbasan otak di HKL dan disahkan bekas timbalan Perdana Menteri itu tidak mengalami sebarang masalah otak.

Sementara itu ketika menyambung keterangannya, Anwar berkata bekas Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Rahim Noor ada menghubunginya berhubung surat layang yang ditulis oleh Ummi Hafilda Ali dan Azizan Abu Bakar.

Katanya, Abdul Rahim memberitahunya bahawa Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob yang ketika itu timbalan menteri dalam negeri menyerahkan surat layang itu kepadanya.

Sehubungan itu, katanya, Abdul Rahim menghantar bekas Pengarah Cawangan Khas, Datuk Mohd Said Awang dan timbalannya, Datuk Amir Junus ke rumahnya pada malam 11 Ogos 1997.

Anwar berkata, Mohd Said dan Amir ada datang ke rumahnya memberi penerangan mengenai kemajuan siasatan surat layang dan perkara lain berkait dengan perkembangan semasa negara.

Pada peringkat ini, Ariffin meminta Fernando supaya tidak mengemukakan soalan mengenai siasatan surat layang pada 1997 dan perlu memberi tumpuan pada siasatan pada 1998.

Katanya, berdasarkan kepada keterangan yang ada pada mahkamah, siasatan menunjukkan Anwar bersih daripada dakwaan salah laku seks dan liwat.

Ariffin berkata, perkara itu disahkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Abdul Rahim melalui kenyataan akhbar mereka.

Katanya, pembelaan sepatutnya menumpukan soalan berhubung siasatan kali kedua sehingga membawa kepada penangkapan dan pertuduhan ke atas Anwar kerana perkara itu lebih mempunyai kaitan dengan isu konspirasi.

Fernando berkata, pembela perlu mengemukakan soalan mengenai siasatan pada 1997 untuk menunjukkan perubahan sikap pihak yang terbabit pada 1997 dan 1998.

Katanya, pendekatan yang dicadangkan oleh Ariffin nampaknya terlalu mudah dan pembela tidak dapat berbuat demikian.

Fernando berkata, pembela terpaksa membuktikan bahawa siasatan pada 1997 itu menunjukkan terdapat konspirasi untuk menjatuhkan Anwar dan mereka yang terbabit dalam komplot itu sudah dikenal pasti.

"Yang Arif nampaknya tidak menghargai apa yang tengah kami lakukan," katanya.

Bagaimanapun, Ariffin menjawab: "Tetapi saya tidak boleh berterusan menulis perkara yang sudah dicakapkan sebelum ini...ia membuang masa saja".

Sehubungan itu, Ariffin menangguhkan perbincaraan selama 15 minit bagi membolehkan Fernando berbincang dengan rakan sejawatnya berhubung pendekatan yang perlu diambil oleh pembela berhubung perkara itu.

Perbincaraan bersambung esok.

(END)